



**JOURNAL OF TOURISM,
HOSPITALITY AND
ENVIRONMENT MANAGEMENT
(JTHER)**
www.jthem.com



KESAN PENEMPATAN SEMULA TERHADAP MASYARAKAT MURUT DI PEKAN DAERAH NABAWAN, SABAH

THE IMPACT OF RESETTLEMENT ON THE MURUT COMMUNITY IN NABAWAN DISTRICT TOWN, SABAH

Rudey Asok¹, Hairul Nizam Ismail²

¹ Fakulti Alam Bina dan Ukur, Universiti Teknologi Malaysia, Malaysia
Email: rudey@graduate.utm.my

² Fakulti Alam Bina dan Ukur, Universiti Teknologi Malaysia, Malaysia
Email: b-hairul@utm.my

* Corresponding Author

Article Info:

Article history:

Received date: 18.04.2024

Revised date: 13.05.2024

Accepted date: 15.06.2024

Published date: 30.06.2024

To cite this document:

Asok, R., & Ismail, H. N. (2024). Kesan Penempatan Semula Terhadap Masyarakat Murut Di Pekan Daerah Nabawan, Sabah. *Journal of Tourism Hospitality and Environment Management*, 9 (36), 173-182.

DOI: 10.35631/JTHER.936014.

This work is licensed under [CC BY 4.0](https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/)



Abstrak:

Penempatan semula oleh masyarakat Murut di pekan daerah Nabawan, Sabah telah dilakukan bermula sejak pada tahun 1970-an. Sebelum ini, masyarakat Murut tinggal secara bertaburan antara satu sama lain. Mereka tinggal di sepanjang pesisir sungai sejak berabad-abad lamanya seperti di sungai Tahol, Logongon, Tumalasak, Saliuh, Saliliran dan sebagainya. Namun, selepas negeri Sabah menyertai pembentukan Malaysia 1963 pelbagai usaha kerajaan negeri mahupun persekutuan dalam melakukan agenda-agenda pembangunan demi rakyat dan negara. Sehubungan dengan itu, kajian ini adalah bertujuan untuk melihat kesan penempatan semula terhadap masyarakat Murut di pekan daerah Nabawan, Sabah. Kaedah kualitatif iaitu melalui teknik temu bual semi-struktur, pemerhatian dan analisis dokumen digunakan untuk mendapatkan data serta maklumat kajian. Hasil dapatan kajian telah memperlihatkan bahawa penempatan semula di pekan daerah Nabawan memberikan kesan positif dari aspek ekonomi iaitu pendapatan isi rumah, pendidikan dan sosial terhadap masyarakat Murut yang terlibat. Akhir sekali, pengkaji berharap agar kajian ini memberikan manfaat kepada pengkaji di masa akan datang.

Kata Kunci:

Kesan, Penempatan Semula, Masyarakat Murut

Abstract:

Resettlement by the Murut community in the town of Nabawan, Sabah has been carried out since the 1970s. Prior to this, the Murut people lived scattered

among each other. They have lived along the river coast for centuries such as in the Tahol, Logongon, Tumalasak, Saliuh, Saliliran and so on rivers. However, after Sabah joined the formation of Malaysia in 1963, various efforts by the state and federal governments in carrying out development agendas for the sake of the people and the country. In this regard, this study aims to look at the impact of resettlement on the Murut community in Nabawan district town, Sabah. Qualitative methods, namely through semi-structured interview techniques, observation and analysis of documents, were used to obtain data and study information. The findings of the study have shown that the resettlement in Nabawan district town has a positive impact on the economic aspects namely household income, education and social on the Murut community involved. Finally, the researcher hopes that this study will provide benefits to the researcher in the future.

Keywords:

Impact, Resettlement, Murut Community

Pengenalan

Sejak pembentukan negara persekutuan Malaysia pada 16 September 1963, kerajaan persekutuan, negeri mahupun tempatan terus melakukan agenda-agenda pembangunan terhadap rakyat dan negara dari masa ke semasa. Menurut Balwi (2005), pembangunan prasarana fizikal dan membekalkan secara meluas kemudahan asas kepada rakyat. Contohnya, program penempatan semula yang dilengkapi dengan kemudahan infrastruktur seperti jalan raya, bekalan air, elektrik dan sebagainya turut dilakukan oleh kerajaan. Pembangunan infrastruktur pastinya memberikan kesan yang baik untuk perkembangan aspek ekonomi, pendidikan dan sosial rakyat di negara ini. Menurut Abdullah dan Ahmad (2007) dalam Bhanoji Rao (1980), kerajaan mula melancarkan rancangan-rancangan pembangunan yang bermula dengan Rancangan Malaysia Pertama (1950-1955), diikuti dengan Rancangan Malaysia Kedua (1956-1960) dan Rancangan-Rancangan Pembangunan Lima Tahun yang berikutnya. Dalam rancangan-rancangan pembangunan awal, kerajaan banyak menumpukan perbelanjaan kepada pembangunan infrastruktur dan pembangunan pertanian.

Disamping itu, program-program penempatan semula yang dilakukan di dalam negara Malaysia ini adalah merupakan kesinambungan kepada konsep penempatan semula seperti mana yang dijalankan oleh penjajah British sebelum kemerdekaan tercapai pada 31 Ogos 1957. Sebelum merdeka penjajah British menjalankan program penempatan semula kepada rakyat terutama sekali di negeri-negeri Tanah Melayu pada ketika itu untuk mengawal pergerakan komunis demi kepentingan mereka sebagai penjajah. Menurut Hisham (2019), langkah pembentukan kampung baru ini merupakan tindakan tegas pihak penjajah British sebagai satu strategi mengembalikan keamanan dan menjaga kepentingan mereka di Tanah Melayu. Selepas tercapainya kemerdekaan, kerajaan Malaysia turut melakukan penempatan semula ini tetapi bermatlamatkan kepada pembangunan rakyat dan negara. Menurut Well dan Iman (2019), penempatan semula penduduk merupakan satu usaha yang baik untuk memajukan penduduk di kawasan luar bandar. Penyediaan kemudahan infrastruktur di kawasan penempatan semula memberikan peluang kepada peserta yang terlibat untuk menikmati akses kepada kemudahan infrastruktur yang konsisten.

Selain itu, kerajaan Malaysia juga menjalankan program penempatan semula dengan berasaskan kepada teori pemusatan penempatan di seluruh negara. Program penempatan

semula yang berasaskan kepada teori pemusatan penempatan adalah sebagai kaedah dan usaha untuk mengatasi penempatan yang bertaburan. Menurut Ng Yap dan Cheng (2022), JAKOA menempatkan masyarakat Orang Asli yang tinggal bertaburan ke kawasan perumahan baru yang dilengkapi dengan kemudahan infrastruktur dan kemudahan awam. Umum mengetahui bahawa penempatan yang bertaburan menyukarkan usaha kerajaan untuk merancang dan melaksanakan agenda-agenda pembangunan. Contohnya, terdapat 16 Rancangan Penempatan Semula (RPS) diwujudkan untuk menempatkan masyarakat Orang Asli yang tinggal bertaburan ke dalam satu kawasan yang dibangunkan secara bersepadu yang melibatkan pembangunan tanah, kemudahan infrastruktur dan kemudahan awam serta perumahan. Projek ini diteruskan dalam Rancangan Malaysia Ke-9 (RMK-9) dan pada tahun 2008 peruntukan sebanyak RM14,444.000.00 disediakan iaitu di Pahang 7 RPS, Perak 6 RPS dan Kelantan 3 RPS. (Wee et al., 2013).

Seterusnya, kawasan penempatan oleh masyarakat Murut yang terletak di pekan daerah Nabawan hari ini mempunyai hubung kait dengan konsep penempatan semula berasaskan kepada teori pemusatan penempatan. Sebelum ini masyarakat Murut khususnya sub-etnik Murut Tahol tinggal bertaburan antara satu dengan yang lain di kawasan pedalaman Pensiangan iaitu di sepanjang pesisir sungai seperti sungai Tahol, Logongon, Tumalask, Saliuh, Saliliran dan lain-lain. Tempat tinggal tersebut adalah warisan daripada nenek moyang mereka sejak berabad-abad lamanya. Dalam keadaan sebegini, kerajaan persekutuan di Putrajaya mahupun kerajaan negeri Sabah sudah tentunya menghadapi kesukaran untuk menjalankan agenda-agenda pembangunan terhadap rakyat Murut di pedalaman Pensiangan pada ketika itu. Namun, kepimpinan dan kewibawaan Orang Kaya-Kaya (O.K.K) Datuk Sigoh bin Singkunan dengan sokongan dan galakan daripada kerajaan negeri Sabah di bawah pimpinan Allahyarham Tun Datu Mustapha bin Datuk Harun sebagai ketua menteri Sabah yang ketiga telah berjaya mempengaruhi masyarakat Murut Tahol untuk berpindah ke kawasan baharu iaitu Nabawan. Penghijrahan masyarakat Murut Tahol ke penempatan semula Nabawan telah bermula sejak tahun 1970-an yang diketuai oleh O.K.K Datuk Sigoh bin Singkunan sendiri.

Kajian yang bertajuk “Kesan Penempatan Semula Terhadap Masyarakat Murut di Pekan Daerah Nabawan” adalah bertujuan untuk mengkaji kesan-kesan yang diterima oleh masyarakat Murut dari aspek ekonomi, pendidikan, sosial dan lain-lain selepas mengikuti program penempatan semula tersebut.

Kajian Literatur

Di Malaysia penempatan semula berlaku sejak sebelum dan selepas merdeka pada 31 Ogos 1957. Umum mengetahui bahawa, negara Malaysia telah dijajah oleh kuasa-kuasa asing terutama sekali penjajah British. Semasa zaman penjajahan, British telah terlibat secara langsung melakukan program penempatan semula terhadap masyarakat khususnya di negeri-negeri Tanah Melayu. Menurut Ghani dan Ariffin (2018), British mewujudkan penempatan semula dan kampung baru di Tanah Melayu. Dalam pada itu, pengkaji akan menghuraikan secara lanjut mengenai pelaksanaan program penempatan semula iaitu sebelum dan selepas kemerdekaan tercapai.

Di Semenanjung Tanah Melayu program penempatan semula telah berlaku sejak sebelum merdeka daripada kuasa asing terutamanya penjajah British pada sebelum 31 Ogos 1957. British melakukan penempatan semula atas faktor keselamatan iaitu berasaskan kepada *Briggs*

Plan. Seleps perang dunia kedua British kembali ke Tanah Melayu iaitu setelah tentera Jepun mengambil keputusan untuk keluar dan mengundur diri pada tahun 1945. Namun demikian, pada ketika itu penjajah British menghadapi permasalahan mahupun kesukaran apabila adanya gerakan-gerakan individu atau parti-parti di Tanah Melayu yang berdoktrinkan kepada fahaman komunis. Contohnya, Parti Komunis Malaya (PKM), Koumintang (*Chinese National Party*) dan sebagainya. Gerakan yang dilakukan oleh komunis sukar dikesan oleh pihak keselamatan penjajah British. Hal ini demikian kerana, komunis bergerak dan mengamalkan gerila apabila menyerang penjajah British. Komunis juga bersembunyi di kawasan hutan tebal, dalam gua dan sebagainya. Menurut Ling (2023), di Ulu Jempul, Negeri Sembilan, komunis bersenjata telah memasuki kampung untuk menubuhkan pertubuhan, mengutip yuran keahlian dan derma, memberi ceramah serta menyebarkan propaganda anti British. Malahan, mereka telah menduduki Gua Musang dan Kota Bharu di Kelantan dan beberapa bandar serta kampung lain dengan mengistiharkan diri mereka sebagai “tuan”, Melihat kepada keadaan tersebut, penjajah British memperkenalkan dan melaksanakan penempatan semula untuk tujuan membendung pergerakan komunis. Menurut Hassan dan Nordin (2018), kem penempatan semula ini dilengkapi dengan rumah kediaman, kemudahan-kemudahan asas dan dipagar serta dikawal rapi oleh askar dan polis. Dasar penempatan semula di bawah *Briggs Plan* disifatkan sebagai satu usaha yang berjaya membantutkan usaha komunis untuk menawan Malaya. Menurut Hong dan Ling (2020), sehingga tahun 1958 seluruh Tanah Melayu mempunyai sebanyak 558 buah kampung baru dan Perak sahaja mempunyai sebanyak 156 buah kampung baru. Pertambahan bilangan kampung baru dari tahun ke tahun menunjukkan keberkesanan rancangan penempatan semula dalam melindungi keselamatan penduduk dan mencantas pengaruh komunis. Program penempatan semula yang berasaskan kepada *Briggs Plan* oleh penjajah British itu dilaksanakan khususnya di Tanah Melayu demi mengawal keselamatan dan sekali gus mengukuhkan kedudukan mereka sebagai penjajah. Menurut Hussiin (2023), tujuan British hanya satu iaitu untuk mengekalkan kedudukannya walau dengan apa cara sekalipun dan apa pun masalah yang timbul hanya kerana mereka yang ingin menguasai Tanah Melayu. Oleh itu, jelas terbukti bahawa program penempatan semula yang dilaksanakan pada era zaman penjajahan British hanya semata-mata memperkukuhkan kedudukan mereka sebagai penjajah.

Selepas kemerdekaan pada 31 Ogos 1957 tercapai daripada penjajah British, kerajaan Malaysia meneruskan program penempatan semula namun lebih bermatlamatkan kepada kebajikan rakyat dan pembangunan negara. Hal ini demikian kerana, keinginan kerajaan untuk membantu rakyat iaitu ingin menghapuskan kemiskinan rakyat Malaysia mendorong kepada pelaksanaan program penempatan semula ini. Menurut Abd Aziz, Ahmad dan Hanif (2011), Dasar Ekonomi Baru (DEB) yang diperkenalkan pada tahun 1971 sebagai dasar teras pembasmian kemiskinan telah menunjukkan pencapaian cemerlang dalam membasmi kemiskinan. Pada akhir rancangan 20 tahun itu, kemiskinan telah menurun kepada 15.1 peratus di bawah 16.7. Bukan itu sahaja, keinginan untuk membangunkan negara menjadi pendorong kepada pelaksanaan program penempatan semula di negara ini. Contohnya, Tun Dr. Ismail dan mantan Perdana Menteri Malaysia yang kedua iaitu Allahyarham Tunku Abdul Razak telah mengilhamkan penerokaan kawasan baharu melalui Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA) pada ketika itu. FELDA adalah merupakan langkah drastik yang telah dilaksanakan oleh kerajaan untuk membantu rakyat iaitu mengurangkan kemiskinan rakyat di Tanah Melayu. Dalam pada itu, FELDA melaksanakan program penempatan semula dengan menyediakan pelbagai kemudahan seperti jalan raya, taman permainan, klinik, sekolah dan sebagainya. Menurut Harun (2008) dalam laporan Felda (2006), bagi memenuhi keperluan para peneroka, pihak FELDA juga telah membuka dan membangunkan 454,385.47 hektar tanah bagi tujuan

pertanian perladangan kelapa sawit dan getah. Pelaksanaan FELDA bukan sahaja berfokus kepada penerokaan tanah-tanah persekutuan tetapi, kerajaan turut melakukan penstrukturan masyarakat dengan mewujudkan projek penempatan semula kepada para peserta yang terlibat. Selain itu, penempatan semula juga dilakukan untuk mengatasi penempatan setinggan. Penempatan setinggan ini selalunya wujud di kawasan-kawasan bandar besar seperti bandar utama Kuala Lumpur, Selangor dan sebagainya. Kewujudan rumah setinggan ini disebabkan oleh ketidakupayaan sesetengah masyarakat untuk menyewa atau membeli rumah di kawasan bandar. Mereka terus mengambil keputusan untuk mendirikan rumah sebagai tempat tinggal demi kelangsungan hidup bersama keluarga tercinta. Menurut Chendang dan Sipun (2010), kewujudan penempatan setinggan disebabkan beberapa faktor ekonomi dan sosial seperti penghijrahan golongan berpendapatan rendah ke kawasan bandar untuk meraih peluang mencari penghidupan yang lebih baik tetapi gagal mendapatkan perumahan yang berkualiti serta mampu dimiliki atau dibeli oleh mereka. Oleh itu, kerajaan Malaysia yang peka dengan kebajikan rakyat turut menjalankan program penempatan semula dengan berasaskan kepada Dasar Perumahan Negara (DPN) demi menyelesaikan isu penempatan setinggan itu.

Program Penempatan Semula di Sabah


Sabah yang terletak di Pulau Borneo itu juga turut terlibat secara langsung dalam melakukan program penempatan semula. Terdapat beberapa faktor kerajaan negeri Sabah melaksanakan program penempatan semula kepada rakyat dan negerinya. Pertama sekali, kerajaan melaksanakan program penempatan semula adalah bertujuan untuk mengatasi penempatan setinggan. Hal ini demikian kerana, penempatan setinggan yang kurang terurus menyebabkan kerajaan negeri mengambil keputusan dan bertindak melaksanakan program penempatan semula ke atas rakyat yang terlibat. Contohnya, penempatan setinggan di kampung Air dalam daerah Kudat menyebabkan kerajaan melaksanakan program penempatan semula ke atas mereka yang terlibat. Menurut Mapjabil, Abidin, Marzuki dan Rosmiza (2020) kedudukan lokasi penempatan semula adalah penting kepada penduduk perkampungan air dalam mencari pekerjaan dan mengurangkan kos harian mereka apabila tinggal di kawasan berkenaan. Oleh itu, penempatan semula yang dilaksanakan oleh kerajaan negeri Sabah berkait rapat dengan usaha mengatasi penempatan setinggan yang berlaku seperti di kampung Air Kudat.

Selain itu, penempatan yang berselerak dan bertaburan juga mendorong kerajaan negeri Sabah melaksanakan program penempatan semula ke atas rakyatnya yang terlibat. Hal ini demikian kerana, penempatan yang berselerak dan bertaburan sudah pasti menyukarkan usaha-usaha kerajaan melaksanakan agenda-agenda pembangunan dari segi infrastruktur dan sebagainya. Menurut Mapjabil, Abidin, Marzuki dan Rosmiza (2020), Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB) iaitu program membangunkan suatu petempatan baharu atau menyusun semula kampung sedia ada secara terancang di kawasan luar bandar yang dilengkapi dengan kemudahan asas dan sosial (Portal Rasmi KPLB, 2020). Oleh itu, melalui penempatan semula ini maka, rakyat yang terlibat akan tinggal dalam satu kawasan yang sama secara berkelompok. Keadaan tersebut memudahkan kerajaan melaksanakan pembangunan infrastruktur dari masa ke semasa demi menjaga kebajikan rakyatnya. Menurut Zei et al., (2018), penempatan semula orang Asli ini membawa perubahan dalam kehidupan mereka terutamanya aspek ekonomi, kesihatan dan pendidikan.

Kawasan Kajian

Skop kawasan kajian yang dipilih adalah pekan daerah Nabawan, Sabah sebagai kawasan penempatan semula. Dalam pada itu, kajian ini berfokus di kampung 4 Murni A, B, C dan D,

kampung Indah, serta kampung Dua Ria Nabawan. Hal ini demikian kerana, penduduk-penduduk di dalam kampung berkenaan adalah mereka yang terlibat secara langsung dengan program penempatan semula di pekan daerah Nabawan sebelum ini iaitu sejak tahun 1970-an. Oleh itu, pengkaji berharap agar kesemua responden yang terlibat dapat menjawab soalan-soalan temu bual khususnya mengenai kesan yang mereka terima setelah mengikuti program penempatan semula ini. Oleh itu, rajah 1 di bawah menunjukkan pelan lokasi kajian.



Rajah 1: Pelan Lokasi

Metodologi Kajian

Bahagian metodologi merujuk kepada tatacara pelaksanaan kajian untuk mencapai objektif yang telah ditetapkan oleh pengkaji dalam kajian ini. Hal ini demikian kerana, pemilihan kaedah yang tepat dan selaras dengan tajuk kajian dibahagian metodologi kajian adalah amat penting sekali. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan berasaskan kepada teknik temu bual semi-struktur terhadap 13 orang responden, pemerhatian di penempatan semula pekan daerah Nabawan sebagai lokasi kajian dan juga analisis dokumen. Terdapat 2 bahagian dalam soalan temu bual semi-struktur tersebut antaranya ialah bahagian A profil responden dan bahagian B kesan-kesan penempatan semula dari aspek ekonomi, pendidikan serta sosial terhadap masyarakat Murut di pekan daerah Nabawan, Sabah.

Selain itu, dalam kajian ini juga pengkaji turut menggunakan pengumpulan data-data sekunder iaitu berasaskan teknik analisis dokumen. Data sekunder ini merupakan sumber yang diterbitkan dan disimpan seperti di perpustakaan dan sebagainya. Contohnya, melalui buku, majalah dan jurnal. Menurut Choy et al., (2009), data sekunder diperolehi daripada sumber yang diterbitkan dan tersimpan di perpustakaan. Sumber tersebut terdiri daripada majalah, buku dan jurnal.

Oleh itu, segala data atau maklumat yang diperolehi oleh pengkaji melalui teknik temu bual semi-struktur terhadap 13 orang responden, pemerhatian dan analisis dokumen akan diproses secara manual tanpa menggunakan sebarang perisian komputer.

Analisis Dapatan Kajian

Kesan Program Penempatan Semula

Jadual 1 menunjukkan hasil kajian mengenai kesan-kesan penempatan semula terhadap masyarakat Murut di pekan daerah Nabawan, Sabah.

Bil	Aspek	Kesan
1	Ekonomi	<ul style="list-style-type: none"> Disini adanya peluang berniaga dan bekerja. Jadi, kami dapat mempertingkatkan pendapatan kami. (R1 dan R2). Disini mudah mendapatkan duit berbanding di tempat asal. (R3, R4, R5, R6 dan 12). Kami mudah menjalankan urusan jual beli disini. Kami selalu berniaga di pasar tamu Nabawan. (R7, R8 dan 9). Semasa kami di kampung asal, kami susah mendapatkan pendapatan. Namun, sekarang kami lebih mudah mendapatkannya. (R10, R11 dan 13).
2	Tahap pendidikan	<ul style="list-style-type: none"> Anak-anak kami disini mudah mengikuti persekolahan. Ini kerana, SK Pekan Nabawan dan SMK Nabawan dekat sahaja di tempat tinggal kami. (R1, R2, R3, R4 dan R5). Pendidikan masyarakat kita Murut lebih baik selepas mengikuti penempatan semula ini. Bilangan yang menguasai kemahiran 3M (Membaca, Menulis dan Mengira) semakin meningkat. (R6, R8, R9 dan R13). Keprihatinan kerajaan menyediakan perpustakaan negeri Sabah cawangan Nabawan sedikit sebanyak membantu mempertingkatkan ilmu pengetahuan dalam kalangan masyarakat kita disini. (R10, R7, R12 dan R11).
3	Sosial	<ul style="list-style-type: none"> Klinik kesihatan Nabawan dekat dengan tempat tinggal kami. Jadi buat pemeriksaan kesihatan pun lebih mudah. (R1, R2, R3, R4, R5 dan R6). Kami tidak perlu sudah berjalan kaki apabila bergerak ke tempat lain. Kebanyakan masyarakat kita sudah memiliki kenderaan sendiri seperti motorsikal atau kereta. (R7, R9, R10, R12 dan R13).
4	Amalan dan budaya masyarakat Murut	<ul style="list-style-type: none"> Amalan suka berkongsi itu semakin terhakis dalam kalangan generasi muda kita hari ini. (R1, R2, R3, R4, R8, R11 dan R13). Hari ini budaya suka berkongsi itu semakin kurang diamalkan. Mungkin kesan daripada zaman yang serba moden ini. (R5, R6, R7, R9 dan R10).
5	Penempatan semula secara berkelompok	<ul style="list-style-type: none"> Penempatan semula secara berkelompok ini mempertingkatkan komunikasi antara satu dengan yang lain. (R1, R2, R3, R4, R5 dan R9). Mudah mendapatkan pertolongan jika ada hal-hal kecemasan. (R6, R7, R8, R10 dan R12).

Jadual 1: Kesan Penempatan Semula

Hasil kajian disokong berdasarkan pemerhatian pengkaji sendiri sepanjang berada di lokasi kajian. Masyarakat Murut di penempatan semula Nabawan lebih mudah menjalankan aktiviti berjual beli, mendapatkan peluang pekerjaan dan sebagainya. Oleh itu, pendapatan mereka lebih baik selepas mengikuti program penempatan semula ini.

Disamping itu, berdasarkan pemerhatian pengkaji telah didapati bahawa program penempatan semula di pekan daerah Nabawan mempertingkatkan tahap pendidikan masyarakat Murut. Sekolah Kebangsaan (SK) Pekan Nabawan dan Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Nabawan membuka peluang kepada masyarakat Murut untuk mendapatkan pendidikan formal sehingga mereka dapat menguasai kemahiran 3M dengan baik. Bukan itu sahaja, perpustakaan yang dibangunkan di pekan daerah Nabawan dapat mempertingkatkan ilmu pengetahuan anak-anak Murut melalui pembacaan mereka.

Selain itu, berdasarkan pemerhatian pengkaji telah didapati bahawa program penempatan semula di Nabawan membawa manfaat kepada masyarakat Murut itu sendiri. Kemudahan-kemudahan yang disediakan oleh kerajaan seperti klinik Nabawan memudahkan mereka membuat pemeriksaan kesihatan dari masa ke semasa. Bukan itu sahaja, kemudahan infrastruktur lain seperti jalan raya turut memudahkan urusan masyarakat Murut sehari-harian. Contohnya, mudah mengeluarkan hasil-hasil pertanian mereka seperti kelapa sawit, getah, pisang dan sebagainya. Oleh itu, mereka dapat mencapai kehidupan yang lebih sejahtera.

Seterusnya, amalan dan budaya masyarakat Murut. Pengkaji mendapati bahawa amalan dan budaya masyarakat Murut yang “suka berkongsi” seperti berkongsi makanan, berkongsi hasil tangkapan ikan di sungai dan sebagainya semakin kurang diamalkan oleh generasi muda di penempatan semula Nabawan. Perubahan zaman yang serba moden ini sedikit sebanyak telah menghakiskan amalan dan budaya yang baik itu.

Akhir sekali, penempatan semula secara berkelompok. Berdasarkan pemerhatian pengkaji, program penempatan semula di Nabawan telah mempertingkatkan peluang komunikasi mereka antara satu dengan yang lain. Bukan itu sahaja, keadaan rumah mereka yang berada dalam satu kawasan seperti di kampung 4 Murni A, B, C, D, kampung Indah dan kampung Dua Ria, Nabawan memudahkan mereka mendapat pertolongan jika ada hal-hal tidak diingini berlaku.

Rumusannya, program penempatan semula di Nabawan telah membawa perubahan yang positif ke atas masyarakat Murut dari aspek ekonomi iaitu pendapatan, pendidikan dan sosial terutama sekali mereka yang terlibat dengan program tersebut. Perubahan negatif ke atas amalan dan budaya suka berkongsi dalam masyarakat Murut juga turut berlaku. Amalan dan budaya suka berkongsi semakin hari semakin terhakis dan dilupakan oleh generasi muda. Namun demikian, pengkaji menyarankan agar masyarakat Murut seharusnya sama-sama memulihara dan memelihara amalan serta budaya yang baik agar tidak ditelan zaman.

Kesimpulan

Secara kesimpulannya, masyarakat Murut yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung dalam program penempatan semula di pekan daerah Nabawan mendapat kesan-kesan positif daripadanya. Berdasarkan penemuan hasil kajian oleh pengkaji dalam kajian ini didapati bahawa, masyarakat Murut telah mengalami peningkatan ke atas aspek ekonomi iaitu pendapatan isi rumah, peningkatan tahap pendidikan dan perkembangan sosial serta hidup yang lebih sejahtera. Dapat dirumuskan bahawa pelaksanaan program penempatan semula di pekan

daerah Nabawan telah memberikan nafas baharu dalam memastikan aspek ekonomi, pendidikan dan sosial masyarakat Murut dapat dipertingkatkan. Tambahan lagi, pengkaji mendapati amalan dan budaya masyarakat Murut yang “suka berkongsi” semakin hari semakin pudar. Diharapkan agar masyarakat Murut sama-sama memelihara dan memelihara budaya yang baik ini untuk diwariskan kepada anak cucu di masa akan datang. Oleh itu, pengkaji berharap agar kajian ini dapat dijadikan rujukan oleh para pengkaji atau pihak-pihak berkenaan terutama sekali yang berhubung kait dengan program penempatan semula di Malaysia mahupun di daerah Nabawan.

Penghargaan

Syukur ke hadrat Illahi kerana dengan rahmatnya, artikel yang bertajuk kesan penempatan semula terhadap masyarakat Murut di pekan daerah Nabawan, Sabah dapat disiapkan dengan jayanya. Disamping itu, jutaan terima kasih diucapkan kepada para responden, pejabat daerah Nabawan dan perpustakaan negeri Sabah cawangan Nabawan kerana telah memberikan komitmen dan kerjasama yang baik sepanjang kajian ini dijalankan.

Rujukan

- Abd Aziz, W. N. A. W., Ahmad, F., & Hanif, N. R. (2011). Pembasmian kemiskinan bandar ke arah bandar inklusif dan sejahtera: Cabaran Kuala Lumpur. *Journal of Surveying, Construction and Property*, 2(1). Diperoleh daripada <https://ojie.um.edu.my/index.php/JSCP/article/view/5658/3404>
- Abdullah, N., & Ahmad, W. A. H. W. (2007). Perkembangan Kelas Mene. *Jurnal Pengajian Melayu (JOMAS)*, 18(1), 86-108. Diperoleh daripada <https://fiqh.um.edu.my/index.php/JPM/article/view/9733/6872ao>, 1980:
- Balwi, M. K. B. M. (2005). Pembangunan Luar Bandar di Malaysia: Gerakan Desa Wawasan (Gdw) Sebagai Mekanisme Pembangunan Masyarakat Luar Bandar. *Sains Humanika*, 42(1). Diperoleh daripada <https://sainshumanika.utm.my/index.php/sainshumanika/article/view/348/336>
- Chendang, M. U. K., & Sipun, H. B. (2010). Penempatan Semula Setinggalan Negeri Perak. *Kawasan Kajian: Rancangan Perkampungan Tersusun Seri Murni, Seri Keramat dan Tok*.
- Choy, E. A., Rostam, K., Mohamed, Z. S., Rahim, A., & Nor, M. (2009). Pembangunan dan Impak Terhadap Keselamatan dan Kesejahteraan Penduduk Setempat: Analisis Jaringan Di Wilayah Pembangunan Iskandar Johor. *Jurnal e-Bangi*, 4(1), 84-94. Diperoleh daripada <https://core.ac.uk/download/pdf/11490694.pdf>
- Ghani, S. A. A., & Ariffin, K. (2018). Peranan dan Sumbangan *Home Guard* di Temerloh, 1948-1957: *The Role and Contribution of the Home Guard in Temerloh, 1948-1957*. *Perspektif Jurnal Sains Sosial dan Kemanusiaan*, 10(1), 33-50. Diperoleh daripada <https://ojs.upsi.edu.my/index.php/PERS/article/view/1779/1303>
- Harun, M. R. B. (2008). Peranan Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Rancangan Dalam Pembangunan Belia di Felda Jerangau, Terengganu, Malaysia. Diperoleh daripada http://psasir.upm.edu.my/id/eprint/5579/1/FEM_2008_13a.pdf
- Hassan, M. S., & Nordin, R. (2018). Kedudukan Orang Asli Pada Era Penjajahan. *Jurnal Undang-Undang dan Masyarakat. Isu Khas*, 128-141. Diperoleh daripada <http://journalarticle.ukm.my/13026/1/30915-95164-1-PB.pdf>
- Hisham, M. B. B. (2019). Implikasi Dasar Kolonial British Terhadap Pembentukan Komuniti Kampung Baru Daerah Ulu Selangor 1948-1957: *The Implication of British Colonial Act by Developing Community in New Village at Ulu Selangor 1948-1957*. *Perspektif*

- Jurnal Sains Sosial dan Kemanusiaan, 11(1), 10-22. Diperoleh daripada <https://ojs.upsi.edu.my/index.php/PERS/article/view/314/1646>
- Hong, C. F., & Ling, H. H. (2020). Pasukan Polis Dalam Memelihara Keselamatan Penduduk di Perak, 1948-1960. *Sejarah: Journal of the Department of History*, 29(1 (June)). Diperoleh daripada <https://adum.um.edu.my/index.php/SEJARAH/article/view/21062/11595>
- Hussiin, H. (2023). Permasalahan yang dihadapi oleh British Semasa Menduduki Tanah Melayu Dari Kacamata British 1786-1957: *Problems Faced By The British During The Malaya Occupation From British Perspective 1786-1957. International Journal of Humanities Technology and Civilization*, 36-41. Diperoleh daripada <https://journal.ump.edu.my/ijhtc/article/view/9402/2815>
- Ling, H. H. (2023). Persaingan Kuasa antara Komunis dengan Kerajaan di Tanah Melayu, 1948-1960: *Power Rivalry Between the Communists and the Government in Malaya, 1948-1960. Sejarah: Journal of the Department of History*, 32(1 (April)). Diperoleh daripada <https://mjir.um.edu.my/index.php/SEJARAH/article/view/43523/15720>
- Mapjabil, J., Abidin, M. K. Z., Marzuki, M., & Rosmiza, M. Z. (2020). Tahap Pengetahuan dan Kepentingan Kepada Penduduk Terhadap Kriteria dan Kelayakan Permohonan Program Penempatan Semula di Kudat, Sabah. *Jurnal Komunikasi Borneo (JKoB)*, 8, 77-87. Diperoleh daripada <https://jurcon.ums.edu.my/ojums/index.php/jkob/article/view/2503>
- Ng, K. C., Yap, S. C., & Cheng, K. M. (2022). Perubahan Sosioekonomi Masyarakat Orang Asli Selepas Penempatan Semula di Kampung Pertak dan Gerachi Jaya, Selangor. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 7(9), e001742-e001742. Diperoleh daripada <https://www.msocalsciences.com/index.php/mjssh/article/view/1742/1218>
- Wee, S. T., Mohamed, M., Jamiran, M. N. S., Abidin, Z. Z. B. Z., & Sam, S. A. B. M. (2013). Pembangunan Sosioekonomi Komuniti Orang Asli di Malaysia. *Persidangan Kebangsaan Geografi & Alam Sekitar Kali Ke-4, Anjuran Jabatan Geografi dan Alam Sekitar, Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris*, 755-761. Diperoleh daripada <https://core.ac.uk/download/pdf/12008473.pdf>
- Well, R., & Iman, U. (2019). Impak Program Penempatan Semula dan Pembangunan Bersepadu Gana (GRID) Terhadap Aset Penghidupan Penduduk di Kampung Gana, Kota Marudu, Sabah. *Geografi*, 7(1), 1-32. Diperoleh daripada <https://ojs.upsi.edu.my/index.php/GEOG/article/view/1562/2115>
- Ze, L. H., Yew, V. W., Azima, A. M., Sia, M. K., & Chan, G. K. (2018). Perubahan sosioekonomi komuniti orang Asli Jakun akibat Rancangan Penempatan Semula: Satu Kajian Kes di RPS Runchang, Pahang (*Resettlement Programme and its Impact on Socioeconomic Development of Orang Asli Jakun: A Case Study of the RPS Runchang, Pahang*). *Geografia*, 14(4). Diperoleh daripada <https://journalarticle.ukm.my/13258/1/28088-89101-1-PB.pdf>